

31 JUL 1998

PAHANG KUMPUL BAHAN BACAAN UNTUK DANA BUKU KEBANGSAAN

KUANTAN, 31 Julai (Bernama) -- Pahang akan memulakan kempen mengumpul bahan-bahan bacaan untuk disumbangkan kepada Dana Buku Kebangsaan pada 5 Ogos ini yang kemudiannya disalurkan ke perpustakaan-perpustakaan desa di seluruh negeri.

Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Luar Bandar dan Pusat Pertumbuhan Desa, Datuk Omar Othman berkata orang ramai diminta memberikan sumbangan bahan bacaan sama ada baru atau terpakai untuk dimanfaatkan oleh masyarakat desa.

"Sumbangan itu boleh dihantar terus ke mana-mana stesen minyak Petronas atau pejabat pos di seluruh negeri sehingga 30 September ini," katanya kepada pemberita di sini.

Katanya, Jabatan Kemajuan Masyarakat (Kemas) ditugaskan menyusun setiap bahan bacaan itu mengikut kategori, umpamanya buku kanak-kanak, ilmiah atau bacaan ringan sebelum dihantar kepada perpustakaan luar bandar yang telah dikenalpasti.

Beliau berkata setiap sumbangan akan diterima tidak kira jenis bahasa pengantarnya dan diserahkan kepada Menteri Besar Tan Sri Khalil Yaakob pada 12 Ogos.

Kempen mengumpul bahan bacaan peringkat negeri Pahang itu dibuat serentak dengan pelancaran Dana Buku Kebangsaan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada 5 Ogos.

-- BERNAMA

ROS RHM